

# PM nati Malaysia

BH 13 NOV 1984

## pulau besi British

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan bahawa Malaysia mengambil tindakan balas terhadap sikap kerajaan Britain kerana enggan memberi penerbangan kelima kepada Sistem Penerbangan Malaysia (Mas) ke London.

Perdana Menteri menolak dakwaan bahawa tindakan Malaysia tidak membeli besi waja dari Perbadanan Perusahaan Waja British sebagai tindak balas itu.

Diminta mengulas laporan akhbar Sunday Times di London yang menyatakan bahawa Malaysia mengambil tindakan balas terhadap sikap kerajaan Inggeris itu, Datuk Seri Dr Mahathir bertanya, "Apa yang telah kita lakukan?"

"Nampaknya, akhbar itu seolah-olah tahu apa yang saya fikirkan. Itu tak betul. Setahu saya, perkara itu tidak timbul," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini sekembalinya dari lawatan dua hari ke Maldives.

petang ini, Perdana Menteri yang menjadi tetamu khas kerajaan negara itu merasmikan Masjid al-Sultan Muhammad Thakurutaan al-A'zam di Male. Datuk Seri Dr Mahathir juga hadir di perasmian Pusat Islam yang dilakukan oleh Presiden Maumoon Abdul Gayoom.

Ketibaan Perdana Menteri dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Datin Maria.

Sebelum itu, di Male, Datuk Seri Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah diucapkan selamat jalan oleh Presiden Maumoon Abdul Gayoom dan Puan Nasreena Gayoom di Lapangan Terbang Hulhule.

Diminta mengulas lebih lanjut mengenai laporan itu yang menyebut bahawa Malaysia kini membeli besi waja dari Poland, tidak lagi dari Perusahaan Waja British itu, Perdana Menteri berkata, dalam perusahaannya seperti itu banyak faktor yang perlu diberi pertimbangan.

Katanya, ini termasuk untuk memperbalki imbasan dagangan dengan sesebuah negara. Jika berlaku sekalipun, ia mungkin ada faktor lain yang perlu diambil kira.

### Besi waja

Sunday Times London menyatakan bahawa Perbadanan Perusahaan Waja British tidak lagi menerima tempahan bernilai berjuta-juta paun dari Malaysia kerana kerajaan British dan British Airways tetap menolak permintaan Mas untuk menyelenggarakan perkhidmatan penerbangan kelima ke London.

Laporan itu juga menyatakan bahawa Malaysia kini membeli besi waja dari Poland.

Mengenai lawatannya, Datuk Seri Dr Mahathir mensifatkan perasmian Pusat Islam dan Masjid al-Sultan Muhammad Thakurutaan al-A'zam itu sebagai peristiwa bersejarah kerana ia melambangkan kerjasama antara Malaysia dan Maldives.

Katanya, ini juga adalah sejajar dengan dasar terbaik-baik yang dimalkan oleh Malaysia terutama antara negara-negara kecil. Apatah lagi Maldives adalah lebih dekat dengan Malaysia.